

PROGRAM BINA KERJAYA 2.0

Penyedia Latihan

1 Apakah itu Program Bina Kerjaya 2.0?


- Program Bina Kerjaya 2.0 merupakan program lanjutan inisiatif daripada Kerajaan di bawah Belanjawan 2023 dan dilanjutkan di bawah Belanjawan 2024.
- Program Bina Kerjaya 2.0 adalah bertujuan untuk memperkasakan pasaran buruh bagi memastikan pekerja sektor tidak formal termasuk pekerja gig turut mempunyai akses kepada program pembangunan kerjaya bagi meningkatkan potensi peserta serta memperoleh peluang pekerjaan melalui pengajian dan pensijilan micro-credentials atau profesional atau kompetensi.
- Pelaksanaan kursus latihan bagi Program Bina Kerjaya 2.0 adalah memfokuskan kepada penempatan pekerjaan mengikut kaedah **“train and place”** atau **“place and train”**.
- Pensijilan yang disediakan adalah diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (“JPK”) / Malaysian Qualification Agency (“MQA”) / Badan Ikhtisas / Badan Peneraju Industri sama ada dalam atau luar negara / Syarikat Peneraju Industri sama ada dalam atau luar negara.
- Kumpulan sasar bagi Program Bina Kerjaya 2.0 terdiri daripada pekerja sektor tidak formal termasuk pekerja gig yang mempunyai tahap pendidikan Sijil Diploma dan ke bawah.

2 Apakah itu pekerjaan sektor tidak formal?

- Pekerjaan sektor tidak formal membawa maksud semua jenis pekerjaan lain selain aktiviti pekerjaan formal. Ianya termasuk pekerja gig, bekerja sendiri, kerja kampung atau petani, nelayan atau seumpamanya serta peniaga sambilan kecil-kecilan di pasar malam atau lain-lain yang berkaitan.

3 Siapakah yang **LAYAK** menyertai Latihan di bawah Program Bina Kerjaya 2.0?

- Warganegara Malaysia.
- Individu yang berumur 16 tahun sehingga 50 tahun pada tarikh permohonan dibuat.
- Individu yang mempunyai tahap pendidikan Diploma dan ke bawah.
- Individu yang mencarum di bawah Akta Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) atau dapat membuktikan melakukan pekerjaan sendiri melalui apa-apa platform yang berkaitan.
- Individu yang tidak mempunyai caruman PERKESO di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) atau Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) untuk tempoh 6 bulan daripada tarikh permohonan.



PROGRAM BINA KERJAYA 2.0

Penyedia Latihan

- Individu yang sedang bekerja dengan majikan hendaklah TIDAK mempunyai caruman PERKESO di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) atau Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) untuk tempoh 6 bulan sebelum daripada tarikh lapor diri. Bagi kaedah “place and train” ini, individu tersebut hendaklah melapor diri di majikan pada atau selepas 1 Januari 2024.
- Individu hendaklah merupakan orang yang boleh dan bersedia untuk bekerja serta mencari kerja secara aktif.
- Individu yang berminat dan bermotivasi untuk melakukan transisi daripada pekerjaan tidak formal kepada pekerjaan formal adalah digalakkan untuk melaksanakan sesi profiling bagi tujuan mengenal pasti tahap motivasi individu serta pemilihan kursus yang bersesuaian.
- Individu yang menyertai program ini akan tertakluk di bawah kaedah “*train and place*” atau “*place and train*” iaitu pemilihan kursus yang bersesuaian bagi memastikan individu berjaya melakukan transisi pekerjaan dari sektor tidak formal ke sektor formal.

4 Siapakah yang **TIDAK LAYAK** memohon Program Bina Kerjaya 2.0?

- Bukan Warganegara Malaysia.
- Individu yang berumur kurang daripada 16 tahun serta individu yang telah mencapai umur 51 tahun dan ke atas pada tarikh permohonan dibuat.
- Individu yang mempunyai tahap pendidikan sarjana muda dan ke atas.
- Individu yang mempunyai caruman PERKESO di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) atau Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) untuk tempoh 6 bulan daripada tarikh permohonan.
- Individu yang sedang bekerja dengan majikan dan mempunyai caruman PERKESO di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) atau Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) untuk tempoh 6 bulan sebelum daripada tarikh lapor diri serta tarikh melapor diri di majikan sebelum 1 Januari 2024.
- Individu yang sedang aktif dan akan menyambung pelajaran dalam masa terdekat.
- Individu yang **BUKAN** dikategorikan sebagai orang yang boleh dan bersedia untuk bekerja, serta mencari kerja secara aktif.
- Individu yang tidak bermotivasi untuk melaksanakan transisi pekerjaan dari sektor tidak formal ke sektor formal.
- Semua pekerja di sektor awam / badan berkanun persekutuan & negeri / badan berkanun yang diasingkan saraan / pihak berkuasa tempatan.



PROGRAM BINA KERJAYA 2.0

Penyedia Latihan

- Peserta yang pernah menghadiri latihan di bawah Program Bina Kerjaya dan Program Daya Kerjaya TVET di bawah Belanjawan 2023.
- Individu yang bekerja dengan majikan yang terdiri daripada Penyedia Latihan adalah tidak dibenarkan untuk mengikuti latihan di bawah majikan / majikan utama / majikan subsidiari / anak syarikat dan yang berkaitan dengan Penyedia Latihan.

5 Apakah yang dimaksudkan pelaksanaan kursus latihan mengikut kaedah *train and place*?


- Kaedah *train and place* yang dimaksudkan adalah dimana setelah peserta selesai menjalani latihan bersama Penyedia Latihan yang diluluskan, Penyedia Latihan hendaklah membuat penempatan pekerjaan bagi peserta tersebut ke sektor formal.
- Kaedah ini menggunakan konsep 70% bayaran kos latihan dan 30% bayaran kos penempatan daripada jumlah yuran latihan yang diluluskan oleh PERKESO. Contoh;

Jumlah Yuran Latihan	Kos Latihan (70%)	Kos Penempatan (30%)
RM2,500	RM1,750	RM750

6 Bagaimanakah pelaksanaan kaedah *train and place*?

- Setelah Penyedia Latihan selesai menjalankan latihan kepada peserta yang diluluskan, Penyedia Latihan boleh membuat tuntutan kos latihan terlebih dahulu yang merangkumi 70% daripada jumlah yuran latihan atau membuat tuntutan secara keseluruhan 100% setelah menempatkan peserta ke sektor pekerjaan formal.
- Sekiranya Penyedia Latihan membuat tuntutan kos latihan terlebih dahulu, baki 30% untuk kos penempatan akan dibayar jika Penyedia Latihan menempatkan peserta ke sektor pekerjaan formal.
- Penyedia Latihan hendaklah memastikan penempatan dapat dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh akhir peserta selesai menjalani latihan. Sekiranya penempatan berlaku diluar tempoh, Penyedia Latihan tidak layak untuk menuntut baki bayaran 30% yuran latihan.
- Syarat penempatan adalah Penyedia Latihan hendaklah membuat penempatan ke atas peserta tersebut dengan pembuktian dokumen lapor diri yang disahkan oleh majikan berserta pendaftaran di Portal ASSIST dan tempoh kontrak penggajian kepada peserta mestilah sekurang-kurangnya 12 bulan ke atas.

Nota :- Bekerja sendiri dan pemilik syarikat tidak dianggap sebagai penempatan pekerjaan.



PROGRAM BINA KERJAYA 2.0

Penyedia Latihan

7 Apakah yang dimaksudkan pelaksanaan kursus latihan mengikut kaedah *place and train*?

- Kaedah *place and train* yang dimaksudkan adalah dimana peserta telah ditempatkan dalam pekerjaan sektor formal sebelum menerima latihan yang bersesuaian dengan tugas yang dijawat.

8 Bagaimanakah pelaksanaan kaedah *place and train*?

- Semasa individu memohon untuk menjalani latihan di bawah Program ini, individu tersebut hendaklah membuktikan apa-apa dokumen yang wajar seperti dokumen lapor diri di majikan atau surat terimaan jawatan atau seumpama dengannya dan hendaklah memenuhi syarat kelayakan seperti yang dinyatakan di soalan nombor 3.
- Setelah Penyedia Latihan selesai menjalankan latihan kepada peserta, Penyedia Latihan boleh membuat tuntutan yuran latihan dan bayaran adalah secara 100% tertakluk terma dan syarat yang telah ditetapkan.

9 Penyedia Latihan manakah yang terpakai menggunakan kaedah *train and place* dan *place and train*?

- Semua Penyedia Latihan yang menawarkan kursus latihan di bawah Program Bina Kerjaya 2.0 adalah terpakai menggunakan kaedah "*train and place*" dan "*place and train*".
- Bagi kursus latihan yang telah diluluskan di bawah Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal & Kerjaya TVET akan ditransisikan ke Program Bina Kerjaya 2.0 adalah terpakai dengan kaedah ini.

10 Bilakah tarikh kuatkuasa Program Bina Kerjaya 2.0?

- Tarikh kuatkuasa pelaksanaan program ini bermula pada **22 Januari 2024** sehingga **31 Disember 2024** atau tertakluk kepada baki dana yang diperuntukkan atau sebarang keputusan terkini yang diwartakan oleh Kerajaan.

11 Bilakah Penyedia Latihan boleh membuat pendaftaran sebagai Penyedia Latihan PERKESO serta tawaran kursus latihan?

- Tarikh pendaftaran sebagai Penyedia Latihan PERKESO serta tawaran kursus latihan di bawah program ini bermula pada **8 Januari 2024** dan tarikh tutup adalah bergantung kepada sebarang keputusan yang diwartakan oleh PERKESO.
- Pendaftaran hendaklah dilakukan di Portal Kerjaya MADANI <https://kerjayamadani.perkeso.gov.my>



PROGRAM BINA KERJAYA 2.0

Penyedia Latihan

12 Adakah Penyedia Latihan yang telah dilantik di bawah Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal & Kerjaya TVET serta kursus latihan yang telah mendapat kelulusan perlu membuat pendaftaran di bawah Program Bina Kerjaya 2.0?

- **TIDAK.** Penyedia Latihan yang telah dilantik hanya perlu membuat persetujuan dengan terma dan syarat yang baharu sama ada berminat atau pun tidak untuk menjadi sebagai Penyedia Latihan di bawah Program Bina Kerjaya 2.0.
- Sekiranya Penyedia Latihan bersetuju dengan terma dan syarat baharu untuk menjadi Penyedia Latihan di bawah Program Bina Kerjaya 2.0, Penyedia Latihan hendaklah **menekan butang “SETUJU”** yang akan dipaparkan di akaun Penyedia Latihan untuk dilantik sebagai Penyedia Latihan PERKESO di bawah Program Bina Kerjaya 2.0.
- Sekiranya tiada perubahan atau pindaan maklumat seperti nama kursus latihan, mod kursus latihan, tempoh jam pembelajaran dan pengajaran, pentauliah kursus latihan, tahap pensijilan, peperiksaan, tenaga pengajar dan yuran latihan yang telah diluluskan di bawah Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal & Kerjaya TVET akan diluluskan di bawah Program Bina Kerjaya 2.0.

13 Adakah permohonan sebagai Penyedia Latihan dan tawaran kursus latihan akan diluluskan sekiranya tempoh pentauliah telah tamat tempoh?

- **TIDAK DILULUSKAN.** Tempoh pentauliah Penyedia Latihan dan kursus latihan mestilah **berstatus AKTIF** sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tamat tempoh semasa permohonan dan tawaran dilakukan.
- Sekiranya tempoh pentauliah bagi Penyedia Latihan dan kursus latihan di bawah Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal & Kerjaya TVET telah pun tamat atau akan tamat, Penyedia Latihan hendaklah mengemukakan dokumen pentauliah yang telah diperbaharui bagi tujuan kelulusan.



PROGRAM BINA KERJAYA 2.0

Penyedia Latihan

14 Apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh Penyedia Latihan untuk dilantik sebagai Penyedia Latihan PERKESO serta mendapat kelulusan Kursus Latihan yang ditawarkan di bawah Program Bina Kerjaya 2.0?

- Syarat Pelantikan Penyedia Latihan
 - i. Jenis perusahaan yang dibenarkan untuk mendaftar sebagai Penyedia Latihan PERKESO adalah—

Jenis Perusahaan	Dokumen Diperlukan
Kerajaan Persekutuan / Kerajaan Negeri / Badan Berkanun / GLC / PBT	Pensijilan / Surat atau Akta Kerajaan / Warta
Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> • SSM (Borang 9, 24 & 49) • Profil Syarikat
Berhad	<ul style="list-style-type: none"> • SSM (Borang 8 & 49) • Profil Syarikat
Perkongsian Liabiliti Terhad (“PLT”)	<ul style="list-style-type: none"> • SSM (Pendaftaran & Perakuan) • Profil Syarikat
Milikan Tunggal	<ul style="list-style-type: none"> • SSM (Borang D / Borang E) • Profil Syarikat
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (“ROS”)	<ul style="list-style-type: none"> • Borang 3 (Sijil Pendaftaran) • Profil Syarikat

- ii. Penyedia Latihan yang telah berdaftar bersama PERKESO di bawah Akta 4 dan Akta 800. Syarat ini dikecualikan kepada IPT serta agensi dan badan kerajaan.
- iii. Penyedia Latihan hendaklah mempunyai salah satu kelayakan pentauliah sebagai Penyedia Latihan seperti berikut dengan pembuktian dokumen yang sewajarnya.
 - a. Penyedia Latihan ditauliah oleh JPK atau MQA atau Badan Ikhtisas; atau
 - b. Penyedia Latihan ditauliah oleh Badan Peneraju Industri dalam negara atau luar negara (diiktiraf di Malaysia); atau
 - c. Penyedia Latihan ditauliah oleh Syarikat Peneraju Industri dalam atau luar negara (diiktiraf di Malaysia); atau
 - d. Penyedia Latihan yang berdaftar di bawah mana-mana kementerian atau agensi kerajaan; atau
 - e. Penyedia Latihan merupakan kementerian / agensi kerajaan / Badan Peneraju Industri / Syarikat Peneraju Industri.
- iv. Tempoh pentauliah sebagai Penyedia Latihan mestilah **AKTIF** sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tamat tempoh semasa permohonan dilakukan.



PROGRAM BINA KERJAYA 2.0

Penyedia Latihan

- Syarat Kelulusan Tawaran Kursus Latihan
 - i. Kursus latihan yang ditawarkan mestilah mempunyai pentauliahan pensijilan micro-credentials atau profesional atau kompetensi yang diiktiraf oleh JPK / MQA / Badan Ikhtisas / Badan Peneraju Industri dalam atau luar negara (diiktiraf di Malaysia) / Syarikat Peneraju Industri dalam atau luar negara (diiktiraf di Malaysia).
 - ii. Kursus latihan yang ditawarkan mestilah mempunyai nilai yang tinggi dan bersesuaian dengan kebolehpasaran pekerjaan semasa.
 - iii. Harga kursus latihan bagi setiap kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:-
 - a. Bagi pensijilan profesional dan microcredential adalah tidak melebihi RM4,000 bagi setiap individu.
 - b. Bagi pensijilan kompetensi tidak melebihi RM2,500 bagi setiap individu
 - iv. Mod kelas latihan yang ditawarkan mestilah secara fizikal atau hibrid. Latihan secara atas talian sepenuhnya adalah TIDAK DIBENARKAN.
 - v. Tempoh jam pembelajaran mestilah di antara 40 jam sehingga 530 jam bagi satu (1) kursus latihan.
 - vi. Tempoh pentauliahan kursus latihan mestilah AKTIF sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tamat tempoh semasa tawaran dilakukan
- PERKESO berhak untuk melantik dan menolak permohonan Penyedia Latihan sebagai Penyedia Latihan PERKESO serta tawaran kursus latihan yang dibuat walaupun memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- PERKESO juga berhak untuk membatalkan surat pelantikan dan kelulusan kursus latihan sekiranya terdapat justifikasi yang sewajarnya.

15 Apakah definisi pensijilan micro-credentials?

- Pensijilan micro-credentials secara amnya adalah suatu kursus atau pakej pembelajaran yang bertujuan untuk mengiktiraf peningkatan kepakaran dan kompetensi spesifik individu dalam pelbagai bidang.
- Terdapat tiga (3) klasifikasi pensijilan micro-credentials iaitu:
 - i. Diakreditasi oleh MQA; atau
 - ii. Diakreditasi oleh JPK; atau
 - iii. Dibangunkan secara stand-alone.



PROGRAM BINA KERJAYA 2.0

Penyedia Latihan

- Bagi Penyedia Latihan yang menawarkan kursus latihan pensijilan micro-credentials yang diakreditasi oleh MQA atau JPK, Penyedia Latihan hendaklah mengikut segala syarat yang telah ditetapkan oleh badan tersebut.

16) Apakah definisi pensijilan profesional?

- Pensijilan profesional merujuk kepada pengesahan atau pengiktirafan rasmi yang diberikan kepada seseorang oleh sebuah badan atau organisasi yang diiktiraf, menunjukkan bahawa individu tersebut memenuhi standard atau kriteria tertentu dalam bidang profesional tertentu.
- Proses pensijilan profesional sering melibatkan pemeriksaan, ujian, atau penilaian terhadap kemahiran dan pengetahuan individu dalam bidang yang bersangkutan.
- Antara contoh pensijilan profesional adalah;
 - i. Sijil Kemahiran Malaysia (“SKM”) Tahap 1, 2, 3; atau
 - ii. Diploma Kemahiran Malaysia (“DKM”) Tahap 4; atau
 - iii. Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (“DLKM”) Tahap 5; atau
 - iv. Microsoft Certified: Power BI Data Analyst Associate; atau
 - v. Microsoft Office Specialist: Excel (Office 2016); atau
 - vi. CompTIA Linux+; atau
 - vii. CompTIA A+; atau
 - viii. MBOT : Statistical Process Control (SPC); atau
 - ix. apa-apa kursus yang sewajarnya.
- Bagi Penyedia Latihan yang menawarkan kursus latihan pensijilan profesional yang diakreditasi oleh badan pentauliah, Penyedia Latihan hendaklah mengikut segala syarat yang telah ditetapkan oleh badan-badan tersebut.

17) Apakah definisi pensijilan kompetensi?

- Pensijilan kompetensi merujuk kepada proses pengesahan rasmi yang menilai dan mengesahkan kemahiran, pengetahuan, dan kebolehan seseorang dalam sesuatu bidang atau pekerjaan tertentu.



PROGRAM BINA KERJAYA 2.0

Penyedia Latihan

18 Entiti manakah yang digalakkan untuk berdaftar sebagai Penyedia Latihan di bawah program ini?

- Keutamaan Penyedia Latihan yang akan dilantik di bawah program ini adalah institusi pengajian awam dan swasta yang mendapat kelulusan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia atau setaraf dengannya seperti Politeknik, Institusi Latihan Perindustrian, Pusat Latihan Teknologi, Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara dan lain-lain.

19 Apakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh Penyedia Latihan dalam melaksanakan program ini?

- Penyedia Latihan adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk mendaftar permohonan latihan bagi pihak peserta.
- Penyedia Latihan **TIDAK DIBENARKAN** untuk membuat pertukaran kursus latihan bagi pihak peserta.
- Penyedia Latihan hendaklah menghubungi serta memaklumkan kepada peserta berkenaan tarikh, masa, dan tempat latihan dijalankan selepas mendapat Surat Kelulusan peserta.
- Penyedia Latihan hendaklah menjalankan latihan kepada peserta selepas mendapat Surat Kelulusan. Surat Kelulusan tersebut akan tamat tempoh sekiranya Penyedia Latihan tidak menjalankan latihan dalam tempoh 60 hari pertama dari tarikh Surat Kelulusan.
- Penyedia Latihan hendaklah menjalankan latihan mengikut butiran kandungan seperti yang ditetapkan dalam Surat Kelulusan.
- Penyedia Latihan hendaklah memastikan peserta yang menjalani latihan melengkapkan profiling mereka di Portal MYFutureJobs yang merangkumi nama, no. kad pengenalan, alamat tempat tinggal, latar belakang pendidikan, pengalaman kerja dan ujian psikometrik sebelum memulakan sesi latihan.
- Penyedia Latihan hendaklah memaklumkan kepada PERKESO sekiranya peserta tidak hadir atau tidak menjalani latihan.
- Penyedia Latihan hendaklah menyediakan Laporan Akhir yang merangkumi—
 - jadual tentatif latihan;
 - rekod kedatangan peserta menjalani latihan;
 - rekod bergambar peserta menjalani latihan secara individu; dan
 - salinan sijil pengajian peserta.
- Penyedia Latihan hendaklah membuat tuntutan dengan mengemukakan invoice tuntutan mengikut kehadiran setiap peserta.




PROGRAM BINA KERJAYA 2.0

Penyedia Latihan

- Penyedia Latihan hendaklah membuat tuntutan dalam tempoh 14 hari dari tarikh tamat latihan bagi setiap peserta kepada PERKESO. PERKESO berhak untuk membuat penolakan tuntutan yang dibuat selepas tempoh 14 hari dari tarikh tamat latihan.
- Rekod dan dokumen yang digunakan dalam permohonan dan tuntutan hendaklah disimpan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun untuk rujukan dan semakan PERKESO.

20 Apakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh Penyedia Latihan untuk mempromosikan kursus latihan yang diluluskan di bawah program ini?

- Penyedia Latihan yang dilantik sebagai Penyedia Latihan PERKESO di bawah program ini berserta kursus latihan yang diluluskan sahaja boleh untuk dipromosikan kepada masyarakat umum.
- Logo yang dibenarkan untuk digunakan dalam bahan promosi adalah logo PERKESO, MyFutureJobs dan Kerjaya Madani. Logo-logo tersebut mestilah mengikut dimensi yang betul.
- Penyedia Latihan adalah TIDAK DIBENARKAN untuk melantik pihak ketiga atau mana-mana pihak untuk membuat sebarang aktiviti promosi atau pengumpulan maklumat peserta.
- Penyedia Latihan TIDAK BOLEH mendapat bekalan butiran peserta dari pihak ketiga dan sewajarnya.
- Penyedia Latihan hendaklah memaparkan nama organisasi di dalam bahan promosi.
- Penyedia Latihan tidak boleh menggunakan nama organisasi yang lain selain yang didaftarkan di bawah PERKESO. Sekiranya hendak menggunakan nama komersial dalam bahan promosi, pemakluman secara bertulis hendaklah dikemukakan kepada PERKESO.
- Penyedia Latihan hendaklah memberikan maklumat yang tepat di dalam bahan pemasaran seperti yang diluluskan oleh PERKESO.
- Kenyataan seperti “100% Free” atau “Ditanggung oleh PERKESO sepenuhnya” atau sebarang kenyataan sedemikian yang dikaitkan dengan PERKESO, TIDAK BOLEH digunakan bagi tujuan promosi.
- Penyedia Latihan adalah TIDAK DIBENARKAN untuk membuat promosi dengan menyatakan pemberian “elaun”, “elaun tambahan”, atau subsidi berbentuk wang tunai atau sebarang hadiah kepada peserta bagi tujuan promosi.
- Sebarang bahan promosi yang hendak dipromosikan hendak mendapat kelulusan daripada PERKESO. PERKESO akan merekod dan memberikan no. siri bagi setiap bahan promosi yang diluluskan.
- Penyedia Latihan hanya boleh melakukan promosi di lokasi zon yang diluluskan sahaja.



PROGRAM BINA KERJAYA 2.0

Penyedia Latihan

21) Apakah tanggungjawab Penyedia Latihan di bawah program ini?

- Penyedia Latihan hendaklah melaksanakan latihan kepada peserta mengikut Arahan / Pekeliling / Garis Panduan yang telah digariskan oleh PERKESO serta mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh badan pentauliah pensijilan tersebut.
- Penyedia Latihan hendaklah melaksanakan latihan kepada peserta dengan telus dan berkualiti.
- Penyedia Latihan hendaklah memastikan proses promosi dan pelaksanaan latihan kepada peserta adalah mengikut Arahan / Pekeliling / Garis Panduan yang dikuatkuasakan oleh PERKESO.
- Penyedia Latihan tidak dibenarkan mengendalikan latihan dan promosi selain daripada lokasi pusat latihan yang diperakui kepada PERKESO. Pihak Penyedia Latihan hendaklah mengikut zon yang ditetapkan oleh PERKESO seperti berikut:
 - i. Zon Tengah : W.P Kuala Lumpur, W.P Putrajaya, Selangor
 - ii. Zon Selatan : Negeri Sembilan, Melaka dan Johor
 - iii. Zon Timur : Pahang, Terengganu dan Kelantan
 - iv. Zon Utara : Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis
 - v. Zon Borneo: Sabah dan Sarawak

22) Bagaimanakah penetapan zon latihan ini dilakukan?

- Penetapan zon latihan adalah berdasarkan kepada lokasi pusat latihan yang diperakui di setiap kursus latihan yang didaftarkan.

23) Adakah PERKESO akan melakukan semakan dan pemantauan ke atas Penyedia Latihan di bawah program ini?

- Ya, PERKESO **BERHAK** untuk melakukan semakan dan pengesahan semula pada bila-bila masa mengikut kaedah yang bersesuaian terhadap mana-mana Penyedia Latihan atau peserta yang telah mendapat kelulusan melalui program ini dan membuat apa-apa keputusan susulan yang sewajarnya berdasarkan hasil semakan dan pengesahan semula tersebut.
- PERKESO **BERHAK** mengambil tindakan pemeriksaan dengan meminta Penyedia Latihan untuk mengemukakan sebarang dokumen pembuktian berkaitan program ini serta melakukan sebarang lawatan pemeriksaan mengejut di premis Penyedia Latihan.



PROGRAM BINA KERJAYA 2.0

Penyedia Latihan

24 Adakah Penyedia Latihan akan menerima bayaran di bawah program ini sekiranya peserta hadir diluar tempoh sah Surat Kelulusan?

- **TIDAK.** PERKESO tidak akan membayar Yuran Latihan sekiranya latihan dijalankan diluar tempoh sah Surat Kelulusan.

25 Adakah Penyedia Latihan akan menerima bayaran di bawah program ini sekiranya latihan dijalankan terlebih dahulu sebelum mendapat Surat Kelulusan?

- **TIDAK.** PERKESO tidak akan membayar Yuran Latihan sekiranya latihan dijalankan terlebih dahulu sebelum mendapat Surat Kelulusan.

26 Adakah Penyedia Latihan boleh menggunakan perkhidmatan pihak ketiga bagi tujuan untuk menjalankan latihan?


- **TIDAK.** Penyedia Latihan adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali untuk meminta peserta ke latihan yang dijalankan oleh Penyedia Latihan lain walaupun kandungan kursus latihan adalah sama atau atas dasar kerjasama bersama Penyedia Latihan lain.

27 Adakah Penyedia Latihan boleh menyemak status kelayakan peserta bagi tujuan menjalani latihan dibawah program ini?

- **TIDAK.** Penyedia Latihan adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali untuk meminta PERKESO untuk menyemak status kelayakan peserta sama ada memenuhi syarat untuk menjalani latihan atau sebaliknya.

28 Bagaimanakah Penyedia Latihan hendak membuat semakan status permohonan pendaftaran sebagai Penyedia Latihan PERKESO?

- Semakan status permohonan pendaftaran sebagai Penyedia Latihan PERKESO boleh dilakukan di Portal Kerjaya MADANI.
- Sekiranya permohonan diluluskan, Penyedia Latihan akan menerima Surat Pelantikan Penyedia Latihan dan Surat Kelulusan Kursus Latihan.
- Sekiranya permohonan ditolak, Penyedia Latihan akan menerima surat pemakluman penolakan.



PROGRAM BINA KERJAYA 2.0

Penyedia Latihan

- 29) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh PERKESO sekiranya didapati maklumat yang diterima adalah **MERAGUKAN** atau **TIDAK BENAR** atau **PALSU** atau **MELANGGAR POLISI PERKESO**?
- i. **MENGGANTUNG** permohonan sebagai Penyedia Latihan PERKESO di bawah Program Bina Kerjaya 2.0 atau mana-mana Program Latihan yang dilaksanakan oleh PERKESO sehingga siasatan selesai dijalankan sekiranya maklumat yang diterima adalah **MERAGUKAN**. Tempoh siasatan diambil adalah sekurang-kurangnya dalam tempoh 60 hari atau tertakluk kepada sebarang keputusan dari PERKESO atau dari agensi Penguatkuasa.
 - ii. **MENOLAK** permohonan sebagai Penyedia Latihan PERKESO di bawah Program Bina Kerjaya 2.0 atau mana-mana Program Latihan yang dilaksanakan oleh PERKESO sekiranya maklumat yang diterima adalah **TIDAK BENAR / PALSU / MELANGGAR POLISI PERKESO**.
 - iii. **MENGGANTUNG** semua tawaran kursus latihan di bawah Program Bina Kerjaya 2.0 atau mana-mana Program Latihan yang dilaksanakan oleh PERKESO sehingga siasatan selesai dijalankan sekiranya maklumat yang diterima adalah **MERAGUKAN**.
 - iv. **MENOLAK** semua tawaran kursus latihan di bawah Program Bina Kerjaya 2.0 atau mana-mana Program Latihan yang dilaksanakan oleh PERKESO sekiranya maklumat yang diterima adalah **TIDAK BENAR / PALSU / MELANGGAR POLISI PERKESO**.
 - v. **MEMBATALKAN** surat pelantikan dan surat kelulusan kursus latihan di bawah Program Bina Kerjaya 2.0 atau mana-mana Program Latihan yang dilaksanakan oleh PERKESO sekiranya maklumat yang diterima adalah **TIDAK BENAR / PALSU / MELANGGAR POLISI PERKESO**.
 - vi. **MENOLAK** semua permohonan latihan yang dibuat oleh peserta / Orang Berinsurans di bawah Program Bina Kerjaya 2.0 atau mana-mana Program Latihan yang dilaksanakan oleh PERKESO sekiranya siasatan dijalankan ke atas Penyedia Latihan yang terlibat.
 - vii. **MEMBATALKAN** semua Surat Kelulusan / Surat Jaminan peserta / Orang Berinsurans di bawah Program Bina Kerjaya 2.0 atau mana-mana Program Latihan yang dilaksanakan oleh PERKESO sekiranya siasatan dijalankan ke atas Penyedia Latihan yang terlibat.
 - viii. **MENGGANTUNG** semua tuntutan Fi / Yuran Latihan di bawah Program Bina Kerjaya 2.0 atau mana-mana Program Latihan yang dilaksanakan oleh PERKESO sekiranya siasatan dijalankan ke atas Penyedia Latihan yang terlibat.



PROGRAM BINA KERJAYA 2.0

Penyedia Latihan

30 Apakah tindakan yang boleh diambil oleh PERKESO sekiranya didapati maklumat yang diterima adalah MERAGUKAN atau TIDAK BENAR atau PALSU atau MELANGGAR POLISI PERKESO?

- ix. **MENOLAK** semua tuntutan Fi / Yuran Latihan di bawah Program Bina Kerjaya 2.0 atau mana-mana Program Latihan yang dilaksanakan oleh PERKESO sekiranya maklumat yang diterima adalah **TIDAK BENAR / PALSU / MELANGGAR POLISI PERKESO**.
- x. **MENGAMBIL APA-APA TINDAKAN UNDANG-UNDANG** menerusi laporan kepada **PDRM, SPRM** atau mana-mana agensi lain yang bersesuaian untuk menuntut semula bayaran yang telah dibayar kepada peserta dan Penyedia Latihan, sekiranya peserta atau Penyedia Latihan telah menerima bayaran tersebut berdasarkan kepada maklumat yang palsu, tidak benar atau tidak betul yang telah diberikan kepada PERKESO oleh mana-mana pihak, atau peserta atau Penyedia Latihan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan selepas penerimaan bayaran bagi program insentif tersebut.

31 Bagaimana untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan program ini?

- Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian **1-300-22-8000** atau aduan secara atas talian melalui emel perkeso@perkeso.gov.my

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

DIKEMASKINI PADA 12 JANUARI 2024